

**Wakil rakyat UMNO perlu cermin diri**  
**Utusan Online**  
**December 5, 2011**

KOTA BHARU 4 Dis. - Wakil rakyat UMNO perlu mencerminkan diri mereka terlebih dahulu sebelum menawarkan diri atau melobi untuk menjadi calon pada Pilihan Raya Umum Ke-13 nanti.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, ini kerana sokongan daripada sebahagian rakyat sahaja tidak boleh menentukan kemenangan Barisan Nasional (BN).

Beliau berkata, biarpun telah lama menjadi wakil rakyat sama ada sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) atau Ahli Parlimen, mereka terlibat harus dicalonkan semula sekiranya masih popular dan diminati rakyat.

"Tidak semestinya telah bertanding tiga atau empat kali tidak boleh menang dan tidak popular, ada yang tujuh, lapan kali bertanding tetapi masih popular, ini yang Perdana Menteri katakan *winnable candidate*."

"Apa yang penting, semua cermin diri sama ada kita disukai oleh rakyat atau tidak. Kalau kita disukai oleh sebahagian rakyat tidak boleh menang, mustahil untuk semua orang sokong kita, tetapi kita perlu diminati oleh semua orang dan menepati syarat yang ditetapkan oleh Perdana Menteri."

"Kita mahu semua cermin diri, muhasabah sebelum membuat keputusan menonjol diri atau melobi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan cawangan baharu Agrobank di Kubang Kerian di sini, hari ini.

Turut hadir, Pengerusi Agrobank, Tan Sri Faizah Mohd. Tahir serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Wan Mohd. Fadzmi Wan Othman.

Pada majlis itu, Wan Mohd. Fadzmi Wan Othman menyerahkan zakat perniagaan Agrobank kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) yang diwakili oleh Pegawai Zakat MAIK, Murtadha Abdullah.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai peringatan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak supaya bersiap sedia untuk menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-13 kerana ia kemuncak kepada untung nasib umat Melayu dan masyarakat Malaysia.

Mustapa yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, bakat-bakat baharu juga amat penting kerana mereka adalah pelapis kepada generasi pemimpin yang ada pada masa kini.

"Kita berharap ada barisan pelapis yang mantap dan unggul," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, ahli-ahli UMNO Kelantan telah menunjukkan semangat yang hebat untuk menempuh pilihan raya umum kali ini kerana Pas sudah terlalu lama memerintah negeri ini.

"Kita ada kekuatan, tetapi akibat perpecahan dan hasad dengki, ini melemahkan kita, atas kertas kita ada 200,000 ahli di Kelantan. Kalau ikut itu, tidak ada masalah tetapi apabila diumumkan calon wujud budaya sabotaj dan boikot."

"Suntikan semangat Perdana Menteri amat berharga dan harap dihayati oleh semua ahli UMNO di seluruh negara, tidak ada yang sempurna, yang penting kita mahu meminimumkan semua masalah yang timbul, kita manusia tidak maksum, tetapi berusaha sungguh dengan penuh komitmen," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1205&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_11.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1205&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_11.htm)